

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABD SAMAD  
[SHAH ALAM]**

**TARIKH : 01 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN KHALID BIN ABD SAMAD [ SHAH ALAM ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan Indeks Kos Sara Hidup yang telah mula dirangka pada Jun 2019 sewaktu pemerintahan Pakatan harapan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang memuktamadkan kajian indeks kos sara hidup. Namun, kajian tersebut hanya melibatkan bandar-bandar utama di Malaysia. Kementerian bercadang untuk meluaskan lagi indeks tersebut di bandar-bandar lain. Kriteria-kriteria bersesuaian akan turut diluaskan mengambil kira keunikan setiap bandar yang termasuk dalam kajian tersebut kelak.

Walau bagaimanapun, adalah diingatkan bahawa kajian yang dijalankan ini dibuat sebelum berlakunya penularan pandemik Covid-19 serta semakan semula garis kemiskinan baru. Kementerian ini berpandangan bahawa kajian semula perlu dilaksanakan dengan mengambil kira dua perkara yang dinyatakan tersebut.

Sekian, terima kasih.